

08/12/1997

Ujian STD di semua Jabatan Pesakit Luar

KUALA LUMPUR, Ahad - Mulai tahun depan, orang ramai boleh menjalani ujian penyakit kelamin (STD) di semua Jabatan Pesakit Luar klinik dan hospital kerajaan.

Kemudahan itu disediakan lebih meluas bagi menggalakkan rakyat menjalani ujian dalam usaha menangani jangkitan HIV/Aids. Mereka yang dikesan mempunyai penyakit STD seperti sifilis, gonorrhoea, chancroid dan herpes, akan menjalani ujian HIV/Aids, diberi rawatan, nasihat dan bimbingan sewajarnya.

Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, berkata sebelum ini, ujian STD hanya dilakukan di klinik khas. Bagaimanapun, ia kurang mendapat sambutan kerana pesakit malu identiti dan penyakit yang dihidapi diketahui ramai.

Kajian di Afrika menunjukkan seseorang yang dijangkiti penyakit STD mempunyai risiko lebih tinggi iaitu dua hingga sembilan kali untuk mendapat jangkitan HIV/Aids. Kajian itu juga mendapati rawatan penyakit kelamin yang berkesan boleh mengurangkan risiko jangkitan HIV.

"Dengan melaksanakan ujian di jabatan pesakit luar, pesakit tidak perlu berasa malu kerana identiti mereka tidak akan diketahui ramai melainkan kakitangan perubatan yang mengendalikan ujian.

"Mereka menunggu giliran rawatan bersama-sama dengan pesakit demam, batuk, selesema dan pesakit lain. Oleh itu, tidak ada sesiapa yang mengetahui penyakit mereka kecuali kakitangan perubatan terbabit," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Riben Merah 1997, di sini hari ini.

Terdahulu, Chua turut memeriahkan acara Langkah Harapan dengan berjalan bersama-sama kira-kira 1,000 peserta, dari Dataran Merdeka ke Stadium Merdeka.

Turut serta, Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), yang juga Pengerusi Yayasan Aids Malaysia (YAM), Datin Paduka Marina Mahathir.

Karnival itu dianjurkan bersama oleh MAM, YAM, Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia dan TV3.

Pada majlis yang sama, syarikat farmaseutikal, Merck, Sharp & Dohme Corp cawangan Malaysia menyampaikan sumbangan RM20,000 kepada YAM. Sumbangan disampaikan kepada Pengurus Negeri, Ewe Kheng Huat kepada Marina.

Ditanya mengenai bilangan pesakit HIV/Aids di negara ini yang mendapat jangkitan selepas dikesan mempunyai penyakit STD, Chua berkata, perangkaan itu hanya akan diketahui selepas program ujian STD dilaksanakan secara menyeluruh.

Berdasarkan analisis perbandingan jangkitan HIV mengikut faktor risiko mendapati bahawa peratusan jangkitan melalui heteroseksual meningkat 81 peratus iaitu dari 5.4 peratus ke 9.8 peratus bagi bulan September tahun ini manakala jangkitan dari ibu ke anak meningkat 300 peratus.

(END)